


Jilid III
Bil. 17

Hari Jumaat
15hb Julai, 1977



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:

Y.B. Tuan Azahari bin Mohd. Taib Membantu Mmpengerusikan Mesyuarat [Ruangan 1917]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1917]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 1963]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Pertelingkahan Perumahan [Ruangan 1963]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DATO SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K., (Lipis).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., S.P.M.S., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, DATO HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bahru).

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, S.P.M.K., P.G.D.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR. SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR. NEO YEE PAN (Muar).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M SHARIFF
(Kuantan).

- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM
(Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S.
(Saratok).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN,
K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, J.M.N., K.M.N.
(Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN,
P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN MUSTAPHA
alias HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah
Persekutuan, DR. LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan
Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK
UREN (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI
ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN
(Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK
EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, TUAN ABDUL JALAL BIN
HAJI ABU BAKAR, S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan
Wilayah, TUAN HAJI EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, TUAN HAJI ABDUL WAHAB
BIN YUNUS, P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan,
TUAN SAADUN BIN MUHAMMAD NOH (Panti).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP AL-HAJ, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR.) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P.,
P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Payang).

- Yang Berhormat TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ DATUK HAJI ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN HAJI AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYONG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN (Kimanis).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bharu).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR. CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENQ (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR. HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).

- Yang Berhormat TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR. LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR, P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, Q.K.I.S. (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N., (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).

Yang Berhormat TUAN OH KENG SENG (Petaling).

- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ DR. TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ DATUK JAMES STEPHEN TIBOK, P.G.D.K., A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy
Louis Yeoh Sim Ngoh
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah
Suhor bin Husin
Amran bin Ahmad
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof
Margaret Chye Kim Lian
Puan Ng Chong Kin
Puan Kong Yooi Thong
Juliah binti Awam
Supiah binti Dewak
Ismail bin Hassan
Shamsiah binti Mohd. Yusof
Kalsom binti Ghazali

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Jumaat, 15hb Julai, 1977

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

PENGUMUMAN YANG
DI-PERTUA

Y.B. TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB
MEMBANTU MEMPENGERUSIKAN
MESYUARAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, disebabkan pada minggu depan Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua tidak ada dalam negeri, saya telah menjemput Ahli Yang Berhormat dari Kulim Bandar Bahru membantu saya menguruskan pekerjaan Dewan ini mulai daripada minggu hadapan selama lebih kurang empat lima hari. Terima kasih (*Tepuk*).

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

KERETAPI YANG TERGELINCIR

1. Dr. Hee Tien Lai minta Menteri Perhubungan menyatakan:—

- (a) jumlah keretapi yang tergelincir dalam tahun 1975, 1976 dan 1977;
- (b) jumlah kerosakan enjin keretapi dalam tahun 1975, 1976 dan 1977;
- (c) jumlah kerosakan sistem hawa dingin yang berlaku dalam gerabak-gerabak keretapi dalam tahun 1975, 1976 dan 1977; dan
- (d) adakah rancangan untuk menggantikan rel keretapi yang sekarang sudah

tua dengan rel keretapi yang lebih lebar dan baru.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) jumlah keretapi yang tergelincir dalam tahun 1975, 1976 dan 1977 adalah seperti berikut:—
1975 = 88
1976 = 80
1977 = 55 (sehingga Mei)
- (b) jumlah kerosakan enjin keretapi bagi tahun 1975, 1976 dan 1977 adalah seperti berikut:—
1975 = 324
1976 = 402
1977 = 236 (sehingga Mei)
- (c) jumlah kerosakan sistem hawa-dingin dalam tahun 1975, 1976 dan 1977 adalah seperti berikut:—
1975 = 30
1976 = 24
1977 = 20 (sehingga Mei)
- (d) Rancangan untuk membaharui landasan lama telah dilancarkan semenjak tahun 1957 lagi. Dari tahun 1957 hingga 1973 pembaharuan ini telah dijalankan sejauh 20 batu setahun. Dari 1974 hingga 1977 pembaharuan telah dijalankan sejauh 30 batu setahun dan dalam tahun 1978 hingga 1980 adalah diharapkan sejauh 40 batu setahun akan dapat dibaharui. Perkara ini akan juga dikaji semula apabila laporan General Transport Survey yang sekarang sedang dijalankan diterima kelak.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan adakah kerosakan yang telah diterangkan oleh Timbalan Menteri tadi kerana injin keretapi itu telah lama ataupun kerana kelalaian ataupun kerana sengaja dibuat oleh pekerja-pekerja keretapi? Saya minta pihak Kementerian menerangkannya.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, kerosakan-kerosakan itu memanglah boleh diakui sebahagiannya oleh kerana sebahagian daripada injin-injin ini adalah injin lama. Tetapi walau bagaimanapun, usaha membaharui, mendapatkan injin-injin baru memanglah dijalankan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri samada beliau sedar bahawa kejadian keretapi tergelincir daripada landasan yang berlaku kerap kali telah melemahkan keyakinan orang ramai terhadap perkhidmatan keretapi dan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengurangkan kejadian itu.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini memanglah sedar bahawa kemungkinan banyak berlaku kegelinciran keretapi itu boleh mengakibatkan melemahkan keyakinan orang ramai, tetapi walau bagaimanapun pihak Jabatan Keretapi Tanah Melayu sentiasa berusaha sebagaimana yang saya sebutkan tadi salah satu di antaranya ialah memperbaiki, membaharui rel-rel yang memang telah begitu lama digunakan selama ini dan selain daripada itu memperbaiki cara dan usaha menjalankan operasi keretapi itu sendiri.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Timbalan Menteri yang berkenaan ada mengatakan angka-angka dalam jawapan 1 (a). Dengan sebab itu saya hendak mengetahui dengan Kementerian tersebut mengetahui angka-angka itu adakah Kementerian mengetahui pula

sebab-sebab kejadian tergelincir itu, yakni samada kerana kesalahan track rosak ataupun tidak ada maintenance ataupun kesalahan manusia dan sebagainya.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, kemalangan-kemalangan kegelinciran itu berlaku adalah disebabkan oleh beberapa sebab yakni ada di antaranya disebabkan oleh kerosakan landasan, ada di antaranya disebabkan gerabak itu sendiri rosak ataupun trolley ataupun jeep rosak dan terdapat juga diantaranya melebihi had laju, terlanggar binatang-binatang, pengkhianatan daripada anti-nasional ataupun ada di antaranya perbuatan yang tidak bertanggungjawab yang dilakukan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab dan seumpamanya.

Dr. Hee Tien Lai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan adakah bukti sabotaj di belakang peristiwa-peristiwa yang tersebut tadi?

Tuan Mohd. Ali bin Md. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, ada kesan-kesan yang boleh diterima yang menyatakan bahawa sebahagian daripada incidents yang berlaku itu disebabkan sabotaj. Bagaimana Yang Berhormat itu tahu terdapat bukti-bukti seperti yang berlaku di jambatan di Mentakab dan seumpamanya.

PENCEN KEPADA AHLI-AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI

2. **Tuan Farn Seong Than** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Undang-undang menyatakan samada beliau sedar hampir semua Dewan Undang Negeri telah meluluskan undang-undang yang memperuntukkan bayaran pencen kepada semua Ahli Dewan Undangan Negeri yang telah memenuhi perkhidmatan masuk kira sekurang-kurangnya sembilan tahun tetapi undang-undang ini adalah bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan yang mentafsirkan pencen sebagai satu perkara pusat.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, Menteri Undang-undang sedar bahawa Dewan-dewan Undang-undang Negeri telah meluluskan undang-undang yang memperuntukkan bayaran pencen kepada Ahli-ahli Dewan Undang-undang Negeri berkenaan dengan tempoh perkhidmatan masuk kerja mereka.

Pencen bukanlah suatu perkara yang semata-mata boleh diperbuat undang-undang oleh Parlimen. Di bawah perenggan 7(a) Jadual Kesembilan, Senarai II — Senarai Negeri di dalam Perlembagaan, pihak Negeri boleh juga memperbuat undang-undang mengenai pencen Negeri.

GAMBAR-GAMBAR WANITA MENGHAIRAHKAN

3. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada pihak berkuasa yang berkenaan akan mengambil tindakan ke atas mereka yang bertanggungjawab menyebarkan dan menyiarkan gambar-gambar wanita dengan pos-pos yang mendedahkan anggota dan menghairahkan seperti yang terdapat di akhbar-akhbar, majallah-majallah dan termasuk juga oleh para pengkilan di negara ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian tidak akan teragak-agak menarik balik atau membatalkan mana-mana permit buku-buku atau majallah-majallah yang telah diberi kebenaran mengeluarkan atau mencetak penerbitan-penerbitan berkenaan jika sekiranya penerbitan-penerbitan ini melanggar syarat-syarat permit yang telah dikenakan.

Baru-baru ini Kementerian telah memberi amaran keras kepada semua penerbit-penerbit majallah supaya mematuhi sepenuhnya syarat-syarat permit yang telah dikenakan itu.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan dalam tahun 1977 berapakah jumlahnya tindakan yang telah diambil dan adakah lagi tindakan positif yang akan diambil oleh Kementerian tersebut.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tindakan terhadap majallah-majallah tahun 1977 ini kalau tidak silap saya tidak kurang dari 10 telah dirampas dan sebanyak 25 pencetak-pencetak telah diberi amaran berhubung dengan penerbitan-penerbitan yang tidak siuman ini.

Satu lagi langkah yang mungkin atau sedang ditimbang ialah mengadakan satu undang-undang mengawal poster-poster yang membawa gambar-gambar lucah (obscene) ataupun gambar-gambar yang keluar dada yang boleh menimbulkan perasaan tidak seronok di kalangan orang. Tetapi undang-undang ini sedang ditimbang dan belum ada keputusan.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengatakan majallah dan buku-buku sahaja, tetapi kalau kita rajin melalui Jalan Tuanku Abdul Rahman gambar-gambar yang dijual di tepi jalan itu bukan sahaja setakat membuka dada tetapi bogel terus. Jadi, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat melihat dan mengambil tindakan segera di atas perkara yang sangat menjolok mata ini. Adakah langkah-langkah telah dibuat untuk tindakan diambil.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, mustahillah saya hendak pergi ke tepi jalan menengok buku itu (*Ketawa*) kerana buku ini banyak, tetapi beberapa tindakan itu memang kita ambil. Apa yang kita harapkan orang ramai kalau bertemu dengan buku-buku yang seperti ini cepat memberitahu pihak kita. Masaalah yang lalu, orang yang mereport kita membawa buku itu sudah 2—3

minggu baru dia report, jadi dia tengok dahulu buku itu baru direport kepada kita . . .

Tuan Yang di-Pertua: Dia beli jugalah.

Datuk Shariff Ahmad: Dia beli juga, tetapi bagi kita hendak pergi ke tiap-tiap stall itu barangkali mustahil.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya bukan buku tetapi gambar-gambar photograph yang saiznya kalau saya tidak silap 16" x 20" —besar-besar.

Tuan Yang di-Pertua: Poster!

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Ya, poster, ini maksud saya.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, seperti di Ampang Park baru-baru ini ada orang memberitahu lekas jadi kita bertindak cepat. Enforcement Officer kita inipun tidak ramai, jadi kalau Yang Berhormat berjumpa perkara itu beritahu cepat, jangan disimpan lama-lama (*Ketawa*).

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Soalan tambahan. Memandangkan pada tahun hadapan akan dekat, kelendar-kelendar yang akan dikeluarkan pada tahun hadapan ini gambar-gambar yang mendedahkan dada dan lain-lain anggota yang sensitif akan dikeluarkan. Adakah pihak Kementerian mengambil langkah untuk mengatasi perkara ini.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kelendar ini ada dua tiga jenis. Yang dicap dalam negeri ini kita boleh bertindak di bawah Undang-undang Percetakan. Yang menyusahkan sedikit kelendar yang dibawa masuk. Jadi, ini Yang Berhormat Menteri telah mengarahkan saya supaya memanggil semua importers ini ataupun penjual-penjual kelendar atau buku ini supaya berhati-hati mengeluarkan kelendar tahun akan datang ini. Waktu ini musim mengeluarkan kelendar itu memang sudah hampir sampai.

ALAM SEKITAR DAN KECEMARAN

4. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan samada langkah-langkah yang mencukupi sedang diambil ke atas pengurusan alam sekitar dan kawalan pencemaran supaya ianya tidak mengakibatkan kejadian-kejadian yang tidak diinginkan kepada negara kita memandangkan bahawa akan terdapat satu perkembangan kemajuan perusahaan di negara kita di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat saya ingin memaklumkan bahawa telah ada kerjasama yang rapat antara Bahagian Alam Sekitar, pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian Malaysia dan juga Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (FIDA) supaya kesan-kesan buruk daripada perkembangan kemajuan sektor perusahaan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dapat dikawal dan dielakkan.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar adakah perundingan dibuat di antara Kementerian Alam Sekitar dengan Kementerian Perdagangan sebelum memberi kebenaran kepada sesebuah perusahaan didirikan.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, jawabnya ada.

KEMPEN KEBERSIHAN DI BANDARAYA

5. Tuan Haji Hadadak bin Haji D. Pasauk (*di bawah S.O. 24(2)*) minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan samada beliau sedar bahawa kempen kebersihan di Bandaraya tidak begitu berkesan memandangkan bahawa dengan meletakkan signboard bahawa "Membuang Sampah Akan Didenda \$500" tidak begitu dihiraukan oleh

orang ramai, dan dengan kerana itu adakah beliau akan memastikan:—

- (a) Yunit Pencegah Kekotoran Bandaraya hendaklah giat dan mengambil tindakan keras kepada penjual dan orang yang membelinya serta orang ramai, sekiranya ia didapati menyalahgunakan, memandangkan Yunit Pencegah Kekotoran tidak begitu berdaya meninggikan kebersihan setiap masa. Bukti yang nyata di Taman Bunga Kuala Lumpur apabila hari Ahad atau Hari Kelepasan Am, kertas ice-cream dan kertas kacang goreng bersepah di merata tempat, begitu juga di tempat perhentian bas, stesyen keretapi, gerai makan, kebersihan adalah tidak teratur; dan
- (b) oleh kerana tugas memberi kesedaran sivik memakan masa dan jika difikirkan untuk menggunakan undang-undang adalah lebih praktik maka adalah wajar menambah banyak pengawas yang tugasnya selain dari menjaga kebersihan, adalah juga mendapatkan hasil kepada Kerajaan, dan sehingga setakat ini berapa banyakkah pungutan denda kebersihan telah dipungut dari tahun 1976 dan 1977.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Dr. Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Dewan Bandaraya memang berazam untuk mengambil tindakan yang keras terhadap penjual-penjual, penjaja-penjaja dan orang ramai yang membuang sampah merata-rata dan tidak menghiraukan peraturan kebersihan yang ditetapkan oleh Dewan Bandaraya. Satu kempen kebersihan telah dijalankan pada 8hb Julai tahun ini bertujuan untuk memperbaiki keadaan kebersihan bandaraya. Segala usaha telah diambil untuk memberitahu orang ramai melalui mass-media mengenai perlunya menjaga kebersihan bandaraya. Risalah-risalah telah dihantar kepada penghuni-penghuni rumah, peniaga-peniaga dan syarikat-syarikat swasta merayu

supaya bekerjasama dengan usaha Dewan Bandaraya untuk mencapai matlamat memperbaiki keadaan kebersihan Kuala Lumpur.

Antara langkah-langkah yang telah diambil ialah mengetatkan pengawasan dan penyiasatan di kedai-kedai kopi dan kedai-kedai makan di mana tindakan on the spot diambil dengan cara mengeluarkan notis kepada pekedai-pekedai yang tidak mematuhi syarat-syarat kebersihan yang ditetapkan oleh Dewan Bandaraya.

(b) Buat masa ini beberapa bahagian pegawai-pegawai adalah terlibat dalam kempen kebersihan ini. Pegawai-pegawai tersebut ialah:—

- (i) Merinyu Kesihatan,
- (ii) Merinyu Pembersihan Bandar,
- (iii) Pasukan Penguatkuasa,
- (iv) Warden Lalulintas.

Adalah dicadangkan juga untuk memperluaskan kuasa menjaga kebersihan kepada pegawai luar seperti Merinyu Bangunan, Pegawai Perancang Bandaraya dan Merinyu Pencegah Malaria.

Selanjutnya pihak Polis juga berjanji akan memberi sokongan dan kerjasama terhadap kempen kebersihan tersebut.

Bilangan denda itu dan jumlah kutipan denda adalah seperti berikut:

| | Notis keluar | Jumlah Denda |
|------|--------------|--------------|
| 1976 | 7,017 | \$152,034 |
| 1977 | 2,464 | \$ 64,909 |

(sehingga Mei)

Kes-kes untuk tindakan Mahkamah tahun yang lalu — 0 .

Tahun ini (hingga bulan ini) — 70 .

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen berkenaan samada beliau sedar bahawa sungguhpun orang ramai digesa untuk memberikan kerjasama kepada pihak Dewan Bandaraya dalam pelaksanaan

kempen kebersihan di Bandaraya, akan tetapi tidak ada tong sampah yang cukup di tepi jalan raya di Bandaraya untuk kegunaan orang ramai. Jika beliau sedar apakah tindakan yang akan diambil untuk membetulkan hal ini.

Dr. Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar barangkali ada kekurangan tong sampah yang diletakkan di tepi jalan raya, tetapi untuk mengatasi masalah ini kita telah melantik beberapa kontraktor untuk bekerja di dalam kawasan-kawasan rumah-rumah yang tertentu dan ini telah bermula sejak daripada 1hb. April tahun ini. Dengan itu adalah dijangka pada masa hadapan maka perkhidmatan kebersihan di Wilayah Persekutuan akan menjadi lebih baik.

IKLAN MENJOLOK MATA

6. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kerajaan ber-cadang mengharamkan:—

- (a) buku-buku dan majallah yang menyiarkan gambar yang mendedahkan aurat; dan
- (b) gambar-gambar iklan yang menjolok mata.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Ahli Yang Berhormat suka sangat bertanya mengenai soal "buah dada". Jadi, jawapan kepada . . .

Tuan Yang di-Pertua: Suka tanya sahaja.

Datuk Shariff Ahmad: Jadi soalan ini serupa sahaja dengan soalan ketiga tadi. Jadi, saya tidak hendak tambah lagi.

MOTOSIKAL — BUNYI BISING

7. Tuan Ngan Siong Hin (*di bawah S.O. 24(2)*) minta Menteri Kerjaraya dan

Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada beliau sedar bahawa kebanyakan motosikal hari ini tidak mempunyai 'silencers' pada exhaust paipnya, dan dengan yang demikian mencemarkan udara dengan bunyi yang kuat, jika ya, apakah langkah yang akan diambil oleh Kementerian beliau untuk mengatasi keadaan ini.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr. Goh Cheng Teik):

Tuan Yang di-Pertua, semua jenis motosikal sebelum digunakan diatas Jalanraya dikehendaki mengikut kaedah-kaedah Motor Vehicles (Construction and Use) Rules 1959, (L.N. 170/1959). Diantara lain dikehendaki memasang 'exhaust paip' yang tidak akan mengeluarkan bunyi yang terlampau kuat. Adalah didapati setengah-setengah motosikal ini telah diubah bentuknya oleh pemilik-pemiliknya sendiri. Pihak polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan biasanya mengambil tindakan terhadap kenderaan-kenderaan ini dari masa ke semasa.

MOGOK PEKERJA-PEKERJA

8. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) bilangan kejadian mogok yang berlaku dalam tahun 1974, 1975 dan 1976;
- (b) bilangan pekerja-pekerja yang terlibat di dalam mogok-mogok tersebut dalam tahun 1974, 1975 dan 1976; dan
- (c) jumlah hari kerja yang hilang (man-days lost) didalam tahun-tahun yang sama.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada ketiga-tiga soalan adalah seperti berikut:

| Tahun | Bilangan permogokan | Bilangan pekerja terlibat | Hari kehilangan kerja |
|-------|---------------------|---------------------------|-----------------------|
| 1974 | 85 | 21,830 | 103,884 |
| 1975 | 64 | 12,124 | 45,749 |
| 1976 | 70 | 20,040 | 108,562 |

Raja Nasron bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dengan angka-angka yang diberi oleh Timbalan Menteri berkenaan ada nampak bahawa dari setahun ke setahun keadaan makin lama makin tidak berubah. Dengan sebab itu apa yang dikatakan oleh Malaysian Employers Consultative Association adalah benar bahawa keadaan yang buruk semakin lama semakin bertambah buruk dan akan mendatangkan kerumitan dan keburukan dari segi ekonomi. Jika begitu, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian berkenaan untuk memperbaiki keadaan sekarang.

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak setuju bahawa keadaan pada masa ini adalah buruk atau keadaan dalam masa-masa yang lalu bertambah buruk. Angka-angka yang saya telah berikan tadi menunjukkan bahawa bilangan permogokan atau bilangan pekerja yang terlibat akibat mogok itu turun naik tahun demi tahun. Pada pendapat Kementerian keadaan pada masa ini dalam perhubungan perusahaan tidaklah buruk dan undang-undang dan kuasa-kuasa yang ada dengan Kementerian adalah didapati cukup pada amnya untuk mengawasi keadaan.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Waktu akhir-akhir ini banyak kita dapati pekerja-pekerja itu bukannya mereka mogok kerana mogok adalah satu senjata bagi pekerja yang telah dihalalkan oleh pihak Kerajaan, tetapi mereka "work to rule" atau bekerja ikut aturan. Adakah work to rule ini dihalalkan dari segi undang-undang dan boleh dibuat tanpa notis?

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua. Soal samada work to rule itu haram atau tidak tertakluk kepada keadaan yang tertentu di satu-satu tempat. Pada amnya kita boleh katakan bahawa work to rule adalah work to rule atau ikut undang-undang atau ikut peraturan dan tidak dianggap sebagai satu kesalahan.

Tuan Ngan Siong Hing Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1974 dan 1975 dan 1976 bolehkan Menteri berkenaan memberitahu Dewan berapa banyakkah lock-out berlaku?

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, Soal ini harus dapat notis; walau bagaimanapun saya ingin beritahu sepanjang yang saya tahu ada dua atau tiga kali sahaja.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri menyatakan bahawa keadaan semakin lama semakin baik, tidaklah sebagaimana yang saya katakan semakin lama makin buruk; tetapi angka yang diberi oleh beliau misalnya jumlah hari kerja yang hilang (man-days lost) dibandingkan antara 1975 dan 1976 adalah seperti berikut:—

| Tahun | Man-days Lost |
|-------|---------------|
| 1975 | 45,749 |
| 1976 | 108,562 |

Adakah ini menunjukkan angka ini sudah turun ataupun sudah naik?

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengatakan keadaan makin lama makin baik, sebaliknya saya katakan keadaan tidak buruk, tahun demi tahun tidak bertambah buruk, melainkan keadaan turun naik pada satu-satu tahun.

Tuan Ngan Siong Hing: Bolehkah Timbalan Menteri berkenaan memberitahu di manakah berlaku kedua-dua lock-out itu samada Kuala Lumpur, Ipoh atau Pulau Pinang.

Tuan K. Pathmanaban: Soal asas adalah berkaitan dengan mogok, Tuan Yang di-Pertua. Soal lock-out itu, saya minta notis.

RESTRUKTUR EKUITI SEBELUM PERKEMBANGAN

9. Datuk Syed Nahar bin Tun Syed Sheh Shahabuddin minta Menteri Perdagangan dan

Perindustrian menyatakan adakah beliau sedar ada tuduhan-tuduhan menyatakan Kementerian mendesak Syarikat-syarikat supaya merestruktur ekuiti sebelum mereka dibenar "expand"; bahawa dengan adanya syarat-syarat ini syarikat-syarikat sengaja menangguhkan perkembangannya dan ini telah menjadi satu-satu faktor yang menahan perkembangan dan counter production, jika ya, adakah ini benar.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, kenyataan Yang Berhormat bahawa Kementerian saya telah menggesa syarikat-syarikat untuk mengubah struktur ekuiti mereka sebelum mereka mengambil tindakan untuk membesarkan keupayaan kilang masing-masing, ini tidaklah benar. Apa yang sebenarnya dijalankan oleh Kementerian saya ialah memberitahu syarikat-syarikat yang telah ujud sebelum kita mengadakan dasar dalam mana kilang-kilang adalah berpandu kepada certain guideline atau garisan panduan dalam mana mereka selepas kita mengadakan dasar-dasar ini terus dibenarkan memegang saham sehingga 100%. Syarikat-syarikat ini adalah dinasihatkan apabila dia berkembang maju, umpamanya, menambah modalnya diminta atau dinasihat mereka supaya menimbangkan menawarkan saham-saham yang ada pada syarikat itu dari segi perkembangan itu sahaja kepada orang-orang tempatan. Jadi, kalau Yang Berhormat ada kenyataan dan bukti-bukti yang sah bahawa desakan telah dilakukan oleh Kementerian saya kepada semua syarikat, silalah kemukakan perkara itu kepada saya untuk disiasat.

KENDERAAN POLIS DI TAWAU

10. Tuan Haji Mohd. Taufeck bin O.K.K. Haji Asnah (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:—

- (a) adakah Kerajaan sedar tentang kekurangan kenderaan polis di Tawau sehingga dalam lawatan Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini

ke Semporna dan Tawau, Polis terpaksa meminjam kereta-kereta Land Rover swasta dengan terpampang nama syarikat swasta itu dan jika ya, samada Kerajaan akan menambahkan lagi bilangan kenderaan kepada pasukan Polis di Tawau supaya perkara-perkara seperti yang tersebut tidak berulang; dan

- (b) mengapa pihak polis menggunakan Land Rover kepunyaan syarikat swasta semasa lawatan itu dan bukan Land Rover kepunyaan orang-orang persendirian supaya orang ramai tidak menganggap bahawa Land Rover itu dipinjam atau dibeli oleh syarikat swasta kerana termakan budi kepada pihak polis.

Dato' Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada (a) di Tawau pada masa ini Pasukan Polis ada mempunyai 6 buah Land Rover dan di Semporna 2 buah Land Rover. Sebanyak 2 buah lagi Land Rover akan ditambah untuk Tawau tahun ini. Bilangan ini dianggap cukup untuk tugas hairan.

Jawapan kepada (b) semasa lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri itu beliau melawat kebanyakan tempat dengan menggunakan helikopter. Kereta-kereta polis digunakan untuk membawa anggota-anggota pengawal di tiap-tiap tempat yang dijadualkan dalam lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri itu. Malangnya, pada masa itu kedua-dua buah Land Rover Polis di Semporna rosak dan yang dipinjam dapat sebuah sahaja dari Polis Tawau. Untuk kegunaan Polis dikehendaki segera maka pihak Polis terpaksa menyewa Land Rover swasta. Ini adalah semata-mata untuk menentukan supaya lawatan rombongan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri itu dilaksanakan dengan sepenuhnya.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah untuk mengatasi

kereta-kereta Polis di Raja Malaysia untuk seluruh negara.

Dato' Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memanglah ini dibuat pada tiap-tiap tahun dan pada tahun ini sahaja kita telah menempah sebanyak 605 buah kenderaan; 25 buah untuk Sabah dan 25 buah untuk Sarawak dan perbelanjaan dijangka memakan lebih kurang \$12 juta.

LAWATAN MENTERI LUAR MALAYSIA KE EROPAH

11. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil lawatan beliau ke negara-negara Eropah baru-baru ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, lawatan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri ke negara-negara Poland, Romania, Switzerland dan Perancis baru-baru ini adalah berfaedah dan memberi hasil yang berguna kepada lawatan itu telah memberi beliau peluang mengadakan perbincangan-perbincangan dan bertukar-tukar pendapat dengan pemimpin-pemimpin negara-negara tersebut mengenai perkara-perkara hubungan duahala dan perkara-perkara antarabangsa bagi kepentingan bersama. Perbincangan-perbincangan yang telah diadakan itu dan perhubungan secara peribadi dengan pemimpin-pemimpin negara-negara tersebut memberi kesan yang menggalakkan dalam usaha mempererat lagi hubungan duahala antara Malaysia dengan negara-negara Eropah itu dan ianya juga telah membawa ke arah persefahaman yang lebih mendalam mengenai masaalah-masaalah dan cita-cita bersama.

Semasa di Poland dan Romania perkara utama yang telah dibincangkan ialah mengenai perkara-perkara perdagangan dimana pemimpin-pemimpin kedua negara itu telah menyatakan harapan semoga Malaysia dapat berusaha mengatasi masaalah ketidak-se-

imbangan di dalam perdagangan duahala yang sentiasa menguntungkan pihak Malaysia. Adalah didapati peluang-peluang memang ada untuk memperluaskan lagi bidang perdagangan duahala kerana negara-negara itu mempunyai kepakaran di dalam beberapa bidang perindustrian seperti kejenteraan pertanian, kejenteraan perusahaan kayu-kayan dan dalam perusahaan petroleum. Malaysia adalah perlu memberi perhatian yang lebih dan berusaha lebih giat lagi dalam mencari jalan untuk mengeksport dan memasarkan bukan sahaja bagi bahan-bahan utama seperti getah dan bijih timah tetapi juga barang-barang keluaran perusahaan kita kerana kedua-dua negara dan negara-negara Eropah Timur yang lain mempunyai potensi yang luas sebagai sumber pemasaran.

Di Switzerland Yang Berhormat Menteri Luar Negeri telah memberi penerangan lanjut kepada Ahli-ahli Bank dan Pelabur-pelabur di negara itu berkenaan dasar Malaysia terhadap pelaburan asing dan peluang-peluang yang disediakan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Penerangan itu telah mendapat sambutan baik dari Ahli-ahli Bank dan Pelabur-pelabur Swiss. Yang Berhormat Menteri juga dapat berbincang dengan President of Council Switzerland dan Menteri Luarnya bersabit dengan kerjasama duahala yang mana kita ketahui Switzerland mempunyai pakar teknologi dalam berbagai bidang perusahaan.

Dari segi politik pula Yang Berhormat Menteri telah berpeluang memberi penerangan kepada pemimpin-pemimpin negara Eropah itu mengenai usaha-usaha kita di dalam mencapai kerjasama serantau yang dibuktikan oleh pertubuhan ASEAN dan usaha-usaha kita untuk mengujudkan keamanan dan kestabilan jangka panjang di kawasan Asia Tenggara. Penerangan-penerangan itu telah membawa kepada pengertian yang lebih mendalam terhadap niat suci Malaysia dan peranan yang konkrit dan positif yang dimainkan oleh Malaysia untuk merintis jalan ke arah mencapai tujuan-tujuan ini.

Kerajaan Perancis khususnya telah menyatakan keazaman mereka untuk memainkan peranan yang positif dalam membantu Malaysia dalam usaha mencari keamanan dan kestabilan di Asia Tenggara. Ini merupakan satu pertanda baik kerana Perancis masih merupakan sebuah negara yang mempunyai pengaruh dan pengalaman yang mendalam terutamanya di negara-negara Indo-China.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Soal tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri ada mengatakan bahawa usaha telah diambil oleh Yang Berhormat Menteri semasa lawatannya terutama di Poland dan Rumania untuk memasarkan hasil-hasil kita seperti getah dan bijih timah. Adakah Setiausaha Parlimen sedar bahawa kerana kita hendak memasarkan bijih dan juga getah kita dengan pesat dan dengan lebih, maka kita telah menggunakan pegawai-pegawai tempatan iaitu orang tempatan di Poland dan di Rumania untuk menolong kita dan adakah beliau sedar bahawa pegawai-pegawai tempatan yang saya maksudkan itu tidak tahu bagaimana cara-cara getah ditanam, diambil, begitu juga bijih timah diproses dan sebagainya. Ini membuatkan mereka tidak dapat benar-benar menjalankan kerja untuk menjual getah dan bijih timah kita. Jika sedar, apakah tindakan Kementerian berkenaan untuk memberi latihan kepada pegawai-pegawai tempatan ini dibawa ke negara kita untuk empat bulan atau enam bulan secara dekat supaya dapat mereka dilatih di sini. Adakah rancangan begitu atau tinjauan begitu dibuat?

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya terangkan tadi bahawa lawatan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri adalah sebagai membuka jalan dan meninjau kemungkinan mencari jika terdapat potensi pemasaran di luar negeri, bukan sahaja bagi hasil utama kita getah dan timah bahkan juga hasil pengeluaran perusahaan kita. Tentang cara-cara perlaksanaannya, bagaimana kita

menguruskan pasaran yang baik terutama di negara-negara Eropah Timur, sebagaimana yang disebutkan itu, terpulanglah kepada beberapa pihak tertentu dan juga beberapa Kementerian yang lain untuk menjalankan urusan tersebut.

KEMUDAHAN CUTI BERSALIN

12. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau bercadang hendak memberikan cuti bersalin kepada pegawai dan kakitangan pekerja wanita yang bekerja dengan Kerajaan, badan-badan berkanun dan pihak swasta dengan bergaji penuh selama masa perkhidmatan mereka. Jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

Menteri Tak Berportfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telahpun memberikan kemudahan cuti bersalin dengan bergaji penuh kepada pekerja-pekerja wanita yang bekerja dalam Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun dan Kerajaan Tempatan pekerja-pekerja wanita dalam sektor swasta pun mendapat kemudahan seperti ini. Cuti bersalin itu terhad kepada tiga kali sahaja dalam tempoh perkhidmatan mereka itu. Bagi pekerja wanita yang berkhidmat dalam Sektor Awam tempoh tiap-tiap cuti bersalin itu ialah selama 42 hari mulai daripada hari seseorang pekerja wanita itu bersalin.

Bagi pekerja-pekerja wanita dalam sektor swasta pula tempoh bagi tiap-tiap cuti bersalin itu ialah selama 60 hari iaitu 30 hari bagi tempoh sebelum bersalin dan 30 hari lagi selepas mereka bersalin. Kerajaan tidak bercadang hendak memberi cuti bersalin dengan gaji penuh lebih dari tiga kali memandangkan bahawa prinsip yang diikuti sekarang ialah persamaan gaji kerana persamaan pekerjaan di antara pekerja wanita dan pekerja lelaki.

Tuan Yang di-Pertua: Lelaki tidak bersalin! (*Ketawa*).

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan samada pihak Kerajaan sedar atau tidak iaitu apabila cuti bersalin diberi kepada seorang wanita, terutamanya sekali sebagai seorang guru (pegawai Kerajaan juga) ada diberikan seorang guru pengganti (relieve) dan pada pihak Kerajaan apabila hendak membayar gaji orang yang menggantikan sesuatu jawatan pada seorang pegawai yang bercuti itu, setelah berkhidmat lebih daripada 28 hari baru orang yang menggantikan (relieve) itu dapat gaji ataupun dibayar imbuhan. Ini berlaku di kalangan guru-guru iaitu guru-guru juga termasuk dalam bahagian 42 hari. Jadi selalu berlaku di kelas atau di darjah iaitu sangat susah hendak mencari seorang bagi menggantikan guru yang cuti bersalin selama 42 hari itu kerana guru yang ada cuma boleh dapat menggantikan selama sebulan sahaja, selepas itu kelas itu akan kosong, sebab apabila ada orang yang menggantikan orang yang menggantikan ini tidak dibayar imbuhan oleh pihak kerajaan. Jadi bagaimanakah caranya untuk hendak menyelaraskan supaya darjah itu ada gurunya apabila seseorang guru wanita itu diberi cuti bersalin.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah satu masalah pentadbiran dan saya akan mengkaji perkara ini dengan rakan saya daripada Kementerian Pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir pun begitu juga tadi.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi menyatakan had maksima cuti bersalin ini hanya tiga kali sahaja. Bolehkah saya mendapat faham bahawa ini secara tidak langsung sebagai satu polisi Kerajaan menghadkan kakitangan supaya mempunyai tiga anak sahaja.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, ini terpulanglah kepada wanita yang berkenaan. Tetapi yang mana saya boleh terangkan bahawa wanita yang bersalin itu boleh mengambil cuti biasa jikalau ia sudah mengambil cuti bersalin tiga kali dalam perkhidmatannya dan ada cuti biasa yang boleh diambil juga.

PUSAT PENYELIDIKAN ATOM TUN ISMAIL (PUSPATI)

13. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abd. Shukor (*di bawah S.O. 24(2)*) minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sejauhmanakah perkembangan dan kemajuan yang telah dicapai setakat ini oleh Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail (PUSPATI) dalam memberi latihan seperti kursus-kursus jangka pendek mengenai segala aspek sains dan teknologi nuklear kepada semua peringkat peserta, termasuk ahli-ahli sains, dan jurutera-jurutera daripada berbagai-bagai institusi penyelidikan, pusat pengajian tinggi serta juruteknik perubatan.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail (PUSPATI) belum lagi menjalan latihan seperti kursus-kursus jangka pendek mengenai segala aspek sains dan teknologi nuklear kepada semua peringkat peserta termasuk ahli-ahli sains dan jurutera-jurutera oleh kerana reaktor PUSPATI hanya akan menjadi critical atau operational dan bangunan utama makmal-makmal akan siap dalam pertengahan tahun 1979.

LORI-LORI DITAMBAK JOHOR

14. Tuan Oh Keng Seng (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau sedar bahawa lori-lori yang beratur di tambak Johor yang menunggu untuk pemberesan pihak Kastam setiap malam adalah membahayakan pengaliran

licin perdagangan ASEAN dan mengganggu mata pencarian pemandu-pemandu dan attendan-attendant lori yang bekerja dengan urusan perniagaan pengangkutan Kuala Lumpur ke Singapura.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa ada lori-lori yang beratur di tambak Johor waktu malam hari menunggu pemeriksaan Kastam. Kejadian ini bukanlah disebabkan oleh kelewatan pemberesan Kastam, malahan lori-lori itu sengaja berkumpul kerana hendak merebutkan masa dan mendapatkan giliran masing-masing yang awal untuk pemeriksaan Kastam pada kesokan harinya. Semenjak kompleks Kastam yang baru dibuka, semua lori, baik yang membawa dagangan impot mahupun eksport, yang tiba di dalam kawasan pengelolaan Kastam dalam jangka waktu yang ditetapkan adalah diurus dengan licinnya dan dilepaskan pada hari yang sama juga. Jangka waktu yang ditetapkan untuk pemeriksaan Kastam di Stesyen Kastam Johor Bahru ialah dari jam 6.00 pagi hingga 6.00 petang pada hari bekerja penuh dan dari 6.00 pagi hingga 12.00 tengahari pada hari bekerja separuh. Walau bagaimanapun, tempat kelolaan impot dan eksport adalah juga dibuka pada hari-hari kelepasan mingguan sekiranya pedagang-pedagang berkehendakkan kemudahan itu.

Memandangkan kepada kelicinan urusan pemeriksaan Kastam yang didapati di Stesyen Kastam di Johor Bahru, saya tidak fikir pelaksanaan perdagangan ASEAN akan terjejas atau dihindar dan oleh itu juga tidak timbul kesusahan kepada perniagaan pengangkutan di antara Kuala Lumpur dan Singapura.

BANTUAN KEPADA SEKOLAH UGAMA ISLAM

15. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukor minta Menteri Pelajaran menyatakan samada kadar bantuan kepada sekolah agama Islam boleh dikaji-semula dengan tujuan

menambahkan kadar bantuan yang ada sekarang yang tidak berubah buat beberapa lama supaya sesuai dengan belanja sara hidup yang tinggi sekarang ini, jika ya, bilakah kajian semula ini akan dibuat dan jika tidak mengapa.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan telah mengkaji dan bersetuju menambah kadar bantuan kepada sekolah agama Islam yang bukan Kerajaan daripada kadar bantuan yang lama kepada kadar bantuan yang baharu mulai awal tahun 1977. Kadar baru adalah berikut:

Peringkat sekolah rendah daripada \$10 kepada \$20 seorang murid setahun.

Peringkat sekolah menengah rendah daripada \$14 kepada \$30 seorang murid setahun.

Peringkat sekolah menengah atas daripada \$20 kepada \$40 seorang murid setahun.

WAYANG GAMBAR ARAB DI TV

16. Tuan S. Samy Vellu (*di bawah S.O. 24(2)*) minta Menteri Penerangan menyatakan samada beliau sedar bahawa kebanyakan penuntun-penuntun lebih suka menuntun wayang gambar Arab Timur di T.V. melalui bahasa penghantar aslinya iaitu Bahasa Arab Tengah seperti yang dilakukan kepada wayang-wayang gambar lain seperti wayang China dan Hindi berserta dengan sarikata di dalam Bahasa Malaysia.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Kementerian Penerangan memang sedar ada golongan penuntut-penuntut yang suka menuntun filem Arab di TV., melalui bahasa aslinya iaitu Bahasa Arab. Sungguhpun begitu Kementerian ini

juga sedar bahawa lebih banyak lagi penuntun-penuntut yang gemar filem seperti itu ditayangkan di TV dengan dialih suarakan ke Bahasa Malaysia yang mereka semua lebih faham termasuklah lain-lain kaum yang memahami Bahasa Malaysia. Ini adalah sejajar dengan matlamat Kementerian ini untuk mengalih suarakan filem-filem asing seberapa mana yang boleh ke Bahasa Malaysia untuk memudahkan penuntun-penuntut memahami cerita dari filem tersebut yang lazimnya disiarkan menerusi TV., di Rangkaian Pertama.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Saya sukacitalah mendengar Timbalan Menteri menerangkan masaalah mengalih bahasa daripada filem-filem yang diambil daripada luar negeri tetapi saya hendak bertanya samada Timbalan Menteri sedar atau tidak masaalah mengalih bahasa di Kementerian beliau sendiri ialah perkara orang-orang yang betul-betul profesional tidak ada yang bertanggungjawab dalam perkara ini. Maka sebab itulah kita dapati banyak alih bahasa yang dibuat itu suara-suara itu tidak sesuai oleh kerana seksyen ini saya difahamkan tidak tersusun dengan sempurna. Memandangkan perkara ini berlaku untuk hendak menarik supaya alih bahasa itu berjalan dengan sempurna apakah tindakan ataupun ikhtiar yang sedang dijalankan oleh pihak Kementerian supaya pengalihan bahasa ini dapat dijalankan dengan sempurna di Kementerian beliau?

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Keadaan pada masa ini memang ada bahagian alih suaranya atau bahagian dubbing tetapi kita memerlukan kakitangan-kakitangan tambahan. Ini sedang diuruskan dengan pihak Perjawatan dan juga dengan pihak Perbendaharaan.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana dinyatakan oleh Timbalan Menteri tadi saya bersetuju gambar Arab itu telah mendapat sambutan hangat, tetapi yang mendukacitakan saya kerana rancangan itu telah diber-

hentikan sekarang. Bilakah akan dimulakan balik tayangan gambar Arab sebagaimana yang telah ditayangkan pada masa yang lepas?

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Sedang dalam urusan.

RUKUN TETANGGA

17. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Perdana Menteri menyatakan jumlah ahli dan kutipan wang dipungut dari Ahli Rukun Tetangga yang tidak menjalankan tugas semenjak dilancarkan sehingga sekarang dan adakah denda-denda tersebut akan ditambah pada tiap kali melakukan kesalahan; jika ya, berikan peringkat-peringkat denda yang akan dikenakan.

Menteri Tak Berportfolio (Tan Sri Chong Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat iaitu semenjak rancangan Rukun Tetangga dilancarkan dari bulan Ogos, 1975 sehingga akhir bulan Jun, 1977, bilangan Ahli Rukun Tetangga yang telah didakwa di mahkamah dan disabitkan kesalahannya ialah seramai 67 orang. Denda-denda yang telah dikutip pula berjumlah \$5,360.

Di samping denda-denda, hukuman penjara juga telah dikenakan. Samada hukuman denda atau penjara akan ditambah atau tidak bagi tiap-tiap kali mereka itu melakukan kesalahan, adalah terpulang kepada mahkamah-mahkamah yang berkaitan.

PENYELIA DAN GURU-GURU KEMAS

18. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kementerian ini bercadang untuk mengkaji semula elaun penyelia dan guru-guru KEMAS, jika ya, bila.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, jawapannya ya. Perundingan sedang

dibuat antara Kementerian Pertanian dengan Kementerian Kewangan.

Tuan Shaari bin Jusoh: Bolehkah saya dapat tahu bilakah rancangan ini akan diadakan dengan masa yang paling cepat?

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Kurang jelas, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tanya lagi sekali, Yang Berhormat.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya sekiranya perkara ini akan dibuat bilakah masanya akan diadakan dengan masa yang agak paling cepat?

Tuan Edmung Langgu anak Saga: Perundingan ini sedang dibuat dan belum dapat dijelaskan.

BERAS — SIMPANAN STOKPAIL KERAJAAN

19. Tuan Au How Cheong minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:—

- (a) keperluan beras tahunan di negara kita;
- (b) peratus yang diimpot;
- (c) berapa banyak beras dalam simpanan stokpail kita; dan
- (d) samada terdapat sebarang rancangan untuk menjadikan Malaysia mencukupi beras bagi keperluan sendiri.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Abdul Manan bin Othman): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) keperluan beras negara ialah sebanyak 1.6 juta tan setahun.
- (b) peratus yang diimpot ialah 15%.
- (c) untuk menjawab soalan (c) terlebih dahulu saya mohon izin Tuan Yang di-Pertua bahawa banyak beras simpanan itu tidaklah dapat saya jelaskan di sini

kerana sebab-sebab yang tertentu. Walau bagaimanapun, jumlah beras di dalam simpanan stokpail Kerajaan adalah mencukupi untuk menghadapi sebarang kecemasan yang mungkin berlaku.

- (d) memanglah matlamat Kerajaan untuk mengeluarkan beras yang mencukupi untuk keperluan negara, dan usaha-usaha sedang dibuat untuk memperluaskan bukan sahaja kawasan-kawasan padi tetapi juga penambahan pengeluaran.

MAJLIS PERBADANAN SEBERANG PRAI/PULAU PINANG

20. Tuan Ariffin bin Haji Daud minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menerangkan berdasarkan kepada faktor-faktor apakah yang beliau bersetuju dengan pihak berkuasa Negeri untuk menubuhkan Majlis Perbadanan Seberang Prai dan Majlis Perbadanan Pulau Pinang meliputi seluruh Negeri Pulau Pinang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Dr. Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, penyusunan semula Majlis Perbadanan Seberang Prai dan Majlis Perbadanan Pulau Pinang adalah dibuat di bawah Akta Kerajaan Tempatan, tahun 1976.

Majlis Perbadanan Pulau Pinang adalah meliputi seluruh kawasan Pulau Pinang dan Majlis Daerah Luar Bandar Pulau Pinang dihapuskan. Majlis Perbadanan Seberang Prai meliputi kesemua kawasan Pulau Pinang di tanah besar Semenanjung. Ketiga-tiga Majlis Daerah di kawasan Seberang Prai dihapuskan. Tindakan untuk mewujudkan hanya dua buah Majlis sahaja di Pulau Pinang adalah semata-mata berdasarkan kepada kedudukan Pulau Pinang dan potensi-potensi yang ada padanya untuk dijadikan kawasan metropolitan yang terbesar di negara ini. Sungguhpun masih ada sebilangan besar kawasan kampung dan sawah padi tetapi di

dalam rancangan pembangunan Pulau Pinang seluruhnya adalah dijangka dua buah kawasan metropolitan iaitu di Pulau Pinang sendiri dan sebahagian kawasan Seberang Prai akan wujud bukan sahaja untuk menampung keperluan ekonomi Pulau Pinang sendiri tetapi juga untuk menampung keperluan kawasan-kawasan di sekelilingnya yang dijangka akan bertambah pesat setelah adanya Lebuhraya Timur-Barat.

Menggabungkan Kerajaan-kerajaan Tempatan yang kecil menjadikan satu atau dua buah Kerajaan Tempatan yang besar adalah menepati dasar Kerajaan Pusat untuk menentukan bahawa terdapat efficiency di dalam menjalankan tugas yang utama iaitu memberi perkhidmatan Kerajaan Tempatan kepada orang ramai. Di samping itu dengan menggunakan Akta Kerajaan Tempatan dan Akta Perancang Bandar dan Desa, Kerajaan Tempatan yang baru ditubuhkan itu mempunyai kuasa untuk merancang dan menjalankan aktiviti pembangunan.

Kedua-dua Majlis Perbadanan Pulau Pinang dan Seberang Prai mempunyai kakitangan pentadbiran dan teknik yang disusun begitu rupa untuk menentukan bahawa kedua-dua fungsi yang dinyatakan itu dapat berjalan dengan teratur.

Pada permulaannya sedikit kerumitan telah timbul dan kerumitan seperti ini terdapat di mana-mana pertubuhan yang baru tetapi saya yakin bahawa kerumitan-kerumitan ini akan dapat diselesaikan setelah kedua-dua Majlis ini diperkemaskan pentadbirannya dengan mengadakan tenaga manusia dan peralatan yang diperlukan.

Faktor ketiga yang menyebabkan Kerajaan Negeri mengambil keputusan untuk mewujudkan hanya dua buah Kerajaan Tempatan sahaja di Pulau Pinang ialah untuk menentukan bahawa kawasan-kawasan luar bandar yang telah tidak mendapat perkhidmatan Kerajaan Tempatan yang memuaskan akan juga diberikan perkhidmatan itu dengan

lebih memuaskan atau bagi kawasan-kawasan yang belum mendapat perkhidmatan itu akan diberi perkhidmatan yang sewajarnya.

Faktor keempat ialah bahawa dengan adanya hanya dua buah Kerajaan Tempatan di Pulau Pinang, Kerajaan-kerajaan Tempatan ini dapat mengatur dan merancang pusat-pusat perkembangan bandar dan pusat-pusat perkembangan ekonomi di seluruh kawasan Pulau Pinang. Ini adalah satu jalan untuk menentukan bahawa peluang-peluang hidup yang sempurna dan peluang-peluang untuk memperluaskan aktiviti-aktiviti ekonomi dapat diberikan kepada seluruh rakyat di Pulau Pinang dan bukan sahaja bertumpu kepada bandaraya Pulau Pinang.

Faktor yang terakhir ialah bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang berpendapat bahawa dua yunit Kerajaan Tempatan besar ini akan dapat merancang sistem cukai untuk mendapat hasil-hasil dan sumber-sumber kewangan yang lebih besar dan dengan jalan memperteguhkan kedudukan kewangan masing-masing, yunit-yunit tersebut dapat pula merancang aktiviti-aktivitinya dengan sempurna. Sumber kewangan yang lebih besar juga akan menimbulkan satu sistem pentadbiran yang lebih cekap dengan keupayaan mengadakan kakitangan yang cukup dan mahir dan juga alat-alat kelengkapan yang memuaskan.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada menyatakan bahawa hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang ialah menubuhkan dua metropolitan. Ini memanglah elok. Tetapi soalan tambahan saya:—

(1) Adakah Setiausaha Parlimen Kementerian berkenaan sedar bahawa sekarang masih banyak lagi kawasan-kawasan yang meliputi kawasan perbandaran ini belum ada air, belum ada api dan belum ada jalan. Kalau sedar mengapakah tergesa-gesa menubuhkan Majlis Perbandaran sebelum kawasan-kawasan ini betul-betul diperbandarkan.

(2) Ada menyatakan juga bahawa jentera pentadbiran akan diperkemaskan lagi. Adakah Setiausaha Parlimen sedar bahawa dengan tertubuhnya Majlis Perbandaran jentera pentadbiran lebih menjadi kucar-kacir.

(3) Ada juga menyatakan bahawa memberi perkhidmatan kepada luar-luar bandar. Adakah beliau sedar bahawa sehingga sekarang kawasan-kawasan luar bandar belum lagi menerima perkhidmatan apa-apa sekalipun, sungguhpun sekarang mereka dikehendaki membayar assessment dan sebagainya. Yang ke 4 . . .

Tuan Yang di-Pertua: Panjang sangat, Setiausaha Parlimen terlupa. Baik selesaikan ketiga-tiga ini dulu.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Satu sahaja lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang akhir?

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: (4) Setiausaha Parlimen mengatakan dengan adanya Majlis Perbandaran akan menambahkan sumber-sumber kewangan. Adakah beliau sedar bahawa penambahan kewangan ini digunakan bukan untuk pembangunan tetapi untuk membayar gaji kepada kakitangan-kakitangan yang makin bertambah sehingga Majlis Bandaran Seberang Perai sekarang ada 1,200 lebih kakitangan.

Dr. Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta Ahli Yang Berhormat itu tolong ulang lagi sekali. (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Itu sudah saya katakan tadi, kalau panjang sangat nanti keliru! Masa soal-jawab sudah cukup. (*Ketawa*).

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 21 hingga 36 adalah diberi dibawah ini).

SIJIL PALSU HSC/STP KE UNIVERSITI

21. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Pelajaran menerangkan jumlah bilangan pelajar-pelajar Universiti Kebangsaan dan Universiti Malaya yang ditangkap kerana menggunakan sijil palsu untuk masuk belajar di Universiti dan apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengawal perkara tersebut diulangi pada masa-masa hadapan.

Tuan Chan Siang Sun: Sejumlah 16 orang penuntut telah diterima masuk ke Universiti dengan menggunakan keputusan palsu peperiksaan HSC/STP. Setakat ini kejadian tersebut hanya didapati berlaku di Universiti Malaya. Bagi mengatasi supaya kejadian itu tidak berulang lagi maka semua permohonan masuk ke Universiti diproses dengan lebih teliti lagi. Semua kelulusan HSC/STP yang dikemukakan oleh calon-calon disemak terlebih dahulu dengan rekod yang terdapat di Lembaga Peperiksaan selain dari itu ianya diteliti bukan oleh orang perseorangan tetapi oleh suatu Jawatankuasa Pemilihan yang terdiri dari kakitangan akademik sesebuah Universiti.

PENDUDUK DI KEPONG BERLEBIHAN

22. Dr. Tan Chee Khoo minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan apakah Kerajaan hendak buat terhadap masalah penduduk-penduduk yang lebih di kawasan Kepong khususnya dan di Wilayah Persekutuan amnya. Di mana mereka akan ditempatkan.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad): Salah satu langkah Kerajaan untuk menghadapi masalah penduduk-penduduk yang lebih di kawasan Kepong khususnya dan Wilayah Persekutuan amnya, ialah dengan mempergiatkan lagi rancangan perumahannya terutama rancangan perumahan harga murah.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak lebih kurang \$103 juta untuk membina kira-kira 13,700 yunit rumah rakyat bagi golongan berpendapatan rendah.

Di samping itu Kerajaan juga memberi galakan kepada pemaju-pemaju perumahan swasta untuk membina lebih banyak rumah-rumah dalam projek perumahan mereka. Ini akan membuka lebih banyak peluang kepada penduduk-penduduk Wilayah Persekutuan termasuk kawasan-kawasan yang mempunyai penduduk-penduduk lebihan untuk mendapatkan rumah-rumah tersebut. Bagi kawasan Kepong kajian telah dibuat dan didapati bahawa di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Kerajaan tidak dapat mengadakan projek perumahannya di situ oleh kerana timbulnya kesulitan untuk mendapatkan bekalan air.

Untuk jangka masa panjang, penyelesaian masalah lebihan penduduk di Wilayah Persekutuan hanya dapat diatasi melalui satu rancangan yang rapi dan komprehensif, dan ini hanya dapat dilakukan melalui Pelan Induk Wilayah Persekutuan. Berdasarkan Pelan Induk tersebut, penentuan kegunaan tanah, kawasan perdagangan, kepadatan penduduk (density) serta jadual pelaburan dapat dilakukan dengan cara teratur dan sistematik, termasuklah rancangan penempatan penduduk-penduduk serta peluang pekerjaan.

TANGGAJI JAWATANKUASA KABINET

23. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan adakah Jawatankuasa Kabinet mengkaji dengan sehalus-halusnya akan kesan-kesan kenaikan gaji terutama mengenai pemindahan gaji lama kepada gaji baru, umpamanya seseorang pegawai yang telah dinaikkan pangkat satu dua tahun yang lepas menerima gaji baru kurang dari pegawai dibawahnya yang secara tidak langsung telah sampai ketanggagaji

maksima dan stagnate selama 5—7 tahun, diberi pemindahan gaji sehingga 5—7 mata (kenaikan) dan menaikkan gaji pegawai dibawahnya mendapat lebih daripada Ketua-nya sendiri sedangkan pada hakikatnya pegawai itu mendapat kenaikan pangkat yang lebih tinggi dari pegawai dibawahnya.

Perdana Menteri: Memang Jawatankuasa Kabinet telah mengkaji dengan sehalus-halusnya akan masalah-masalah kenaikan gaji terutama pemindahan gaji lama kepada gaji baru. Tetapi dalam pada itupun sekiranya masih terdapat di sana sini beberapa keganjilan perubahan-perubahan tanggagaji yang terbit daripada pelaksanaan Tanggagaji Jawatankuasa Kabinet itu maka pihak Kerajaan bersedia menimbangkan perkara itu.

TEKSI/KERETA SEWA KEPADA BEKAS PERAJURIT/POLIS

24. Tuan Haji Mohd. Taufek bin Datuk Haji Asneh minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:—

- (a) berapa peratuskah lesen-lesen teksi dan pengangkutan am telah diberikan kepada bekas-bekas perajurit dan polis sehingga sekarang;
- (b) adakah Kementerian ini sedar bahawa dengan memberi kemudahan-kemudahan utama kepada bekas-bekas perajurit dan polis, adalah satu galakan kepada belia-belia bagi berkhidmat kepada ketahanan negara; dan
- (c) jika ya, apakah tindakan yang diambil bagi memperbaiki taraf hidup bekas-bekas perajurit dan polis di sisi masyarakat negara kita, melalui Kementerian berkenaan.

Dr. Goh Cheng Teik:

- (a) Peratus permit teksi/kereta sewa yang telah diberikan kepada bekas perajurit

dan polis sejak tahun 1972 ialah sebanyak 58.2%. Kementerian saya tidak ada menyimpan rekod mengenai bilangan permit-permit pengangkutan awam yang lain seperti bas-bas dan lori kepada bekas-bekas perajurit dan polis.

- (b) Ya.
- (c) Rekod-rekod yang disimpan di Kementerian ini telah menunjukkan bahawa Kementerian ini telah dan sedang memberikan perhatian yang sewajarnya kepada bekas-bekas perajurit dan polis untuk menceburkan diri dalam lapangan perniagaan pengangkutan awam. Di sini saya hendak menegaskan bahawa permit-permit pengangkutan awam yang dikeluarkan kepada bekas-bekas anggota polis dan perajurit adalah untuk memberi peluang kepada mereka mencari penghidupan daripada pengangkutan awam dan bukan untuk menyewakannya kepada orang lain.

PRINSIP UNDANG-UNDANG ISLAM

25. Datuk Haji Shafie bin Haji Abdullah bertanya kepada Menteri Undang-undang adakah Kerajaan hari ini bercadang hendak meneliti semua sekali Undang-undang negara ini supaya kelak tidak kedapatan adanya Undang-undang yang bertentangan dengan asas-asas dan ciri-ciri ajaran agama Islam.

Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim): Pada masa ini Kerajaan tiada bercadang meneliti semua sekali undang-undang negara untuk tujuan meneliti samada ianya bertentangan dengan asas-asas atau ciri-ciri Uagama Islam. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah menubuhkan suatu badan di bawah Akta Semakan Undang-undang untuk menyemak undang-undang lama dan apabila terdapat sesuatu pertentangan di antara undang-undang atau dengan prinsip undang-undang Islam yang terdapat dikesan oleh

mereka, maka perkara ini akan dibawa ke pengetahuan Peguam Negara.

DOKTOR-DOKTOR BARU

26. Dr. Tan Chee Khoon minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah tindakan yang beliau telah ambil untuk memperbaiki keadaan kerja untuk doktor-doktor yang baru lulus daripada fakulti Perubatan, Universiti Malaya.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Kementerian saya sedang mengkaji dengan mendalam cara-cara memperbaiki keadaan kerja doktor-doktor yang baru lulus dari Fakulti Perubatan Universiti Malaya. Tindakan yang sesuai sedang diambil untuk menyelesaikan masaalah-masaalah dan rungutan-rungutan besar yang berbangkit. Kajian semula dan perbincangan-perbincangan juga sedang diadakan dengan Badan-badan berkenaan untuk mencapaikan satu penyelesaian yang memuaskan semua pihak yang berkenaan.

PERINDUSTRIAN BARU

27. Tuan Shamsuri bin Md. Saleh meminta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan semenjak Akta Penyelarasan Perindustrian (Pindaan) 1977 dikuatkuasakan:—

- (a) berapa banyakkah permohonan diterima untuk menubuhkan perusahaan baru; dan
- (b) bagaimana sambutan dan sikap usahawan-usahawan terhadap Akta tersebut?

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:

(a) Akta Penyelarasan Perindustrian (Pindaan) 1977 akan dikuatkuasakan tidak berapa lama lagi setelah peraturan-peraturan (rules) yang berkaitan dengan Akta tersebut disiapkan.

Walau bagaimanapun, sukacita saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa semenjak kuatkuasanya Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975, dari 1hb. Mei, 1976 sehingga 31hb. Mei, 1977, kami telah menerima 429 permohonan untuk menubuhkan projek-projek baru, pembesaran dan diversifikasi. Daripada jumlah ini, 186 permohonan adalah diterima dalam masa 5 bulan pertama 1977. Semenjak pindaan Akta Penyelarasan Perindustrian (Pindaan) 1977 diluluskan oleh Dewan Yang Mulia ini pada bulan Mac, 1977, sebanyak 77 permohonan baru telah diluluskan.

(b) Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975 telah dipinda untuk menghapuskan segala keraguan dan kebimbangan yang telah dibangkitkan oleh sektor swasta. Pindaan-pindaan itu telah dibuat selepas diadakan perundingan-perundingan dengan sektor swasta. Bolehlah dikatakan bahawa banyak pandangan-pandangan dan syor-syor yang telah dikemukakan oleh Sektor Swasta telah diterima oleh Kerajaan dan pindaan-pindaan yang sesuai telahpun dibuat kepada Akta ini.

Sepanjang yang saya ketahui, dengan adanya pindaan-pindaan tersebut, pihak swasta telah lebih memahami tentang peruntukan-peruntukan di dalam Akta tersebut dan menerusi penerangan-penerangan yang diberi selanjutnya, tidak seharusnya timbul lagi keraguan-keraguan. Walau bagaimanapun, saya tidak menafikan tentang masih ada lagi pihak-pihak tertentu yang tidak berpuas hati dengan beberapa peruntukan Akta tersebut. Saya sukalah sekali lagi memberi jaminan bahawa peruntukan-peruntukan Akta ini akan dilaksanakan secara pragmatis dan 'flexible' dan Kementerian saya adalah sentiasa bersedia memberikan apa jua penjelasan yang diperlukan.

TUMPAHAN MINYAK OLEH KAPAL-KAPAL

28. Tuan Haji Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar bertanya kepada Menteri Sains, Tekno-

loji dan Alam Sekitar semenjak tahun 1976 hingga sekarang banyak kedapatan kapal-kapal pembawa minyak telah menumpahkan minyak bawaan mereka itu ke dalam lautan kita dan semenjak kejadian tumpah minyak ini berlaku:

- (a) berapa banyak pampasan telah diterima oleh negara kita sekarang;
- (b) bagaimana cara pula nelayan-nelayan yang di tepi-tepi pantai, akibat tumpahan minyak ini mata pencariannya terjejas dan bagaimana pampasan akan dibayar kepada mereka;
- (c) berapa kejadian tumpahan minyak di lautan kita semenjak tahun 1976 sehingga sekarang; dan
- (d) negara manakah yang telah berjanji akan membayar ganti rugi akibat dari kejadian ini.

Tan Sri Ong Kee Hui: Bagi menjawab soalan Yang Berhormat, saya ingin memberitahu kepada Dewan bahawa semenjak tahun 1976 hanya satu sahaja kejadian tumpahan minyak oleh kapal pembawa minyak di perairan kita. Peristiwa ini berlaku pada 24hb. Julai, 1976. Apabila kapal pembawa minyak 'diego silang' berlanggar dengan sebuah kapal Rusia, di mana minyak telah tumpah di Selat Melaka berhampiran dengan Batu Pahat.

Pada masa ini, pihak Kerajaan sedang mengadakan perundingan dengan pihak tuan punya kapal dan persetujuan akan dicapai tidak beberapa lama lagi.

Saya ingin memaklumkan kepada Dewan satu lagi tumpahan minyak telah berlaku sebelum kejadian yang tersebut di atas tadi pada 6hb. Januari, 1975, di mana kapal tangki minyak Jepun terkandas di Buffalo Rock di kawasan perairan negara jiran.

Kerajaan telah pun berunding dengan pihak tuan-tuan punya kapal dan sebahagiannya telah pun diterima seperti yang telah saya beritahu Dewan ini pada masa yang lampau. Bayaran yang diterima ialah bagi kos operasi

pembersihan. Bagi tuntutan kerosakan 'ecology' satu pasukan terdiri dari ahli-ahli Sains, Wakil-wakil Kerajaan Indonesia dan tuan punya kapal sedang menjalankan penyiasatan di tempat kemalangan itu. Perkembangan seterusnya bergantung kepada keputusan penyiasatan itu.

Bagi menjawab soalan (b), tidak ada sebarang pembayaran dibuat kepada nelayan-nelayan oleh sebab setakat ini kita hanya diberi bayaran gantirugi bagi kos operasi pembersihan yang dialami di dalam kejadian tumpah minyak 'Showamaru'.

Bagi menjawab soalan (c) dan (d), jawapannya ialah satu kejadian sahaja, dan tuan punya kapal 'diego silang' ialah sebuah syarikat pengangkutan minyak di Phillipina. Syarikat ini telahpun memberi jaminan berunding dengan Kerajaan Malaysia sehingga satu persetujuan dicapai. Rundingan ini telahpun berjalan dengan licin dan saya yakin tidak beberapa lama lagi persetujuan akan dicapai.

SIJIL KEWARGANEGARAAN

29. Tuan Lee Boon Peng minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:—

- (a) bilangan permohonan sijil kerakyatan mengikut kaum, yang diterima bagi tiap-tiap tahun dari 1970 ke Mei, 1977; dan
- (b) bilangan permohonan tersebut, mengikut kaum-kaum yang diluluskan bagi tiap-tiap tahun dalam tempoh tersebut.

Datuk Shariff Ahmad:

- (a) Jumlah permohonan yang diterima bagi tiap-tiap tahun dari tahun 1970 hingga Mei, 1977 adalah seperti berikut:—

| | |
|-------|----------------------------|
| 1970— | 76,297 |
| 1971— | 72,143 |
| 1972— | 40,887 |
| 1973— | 22,319 |
| 1974— | 15,874 |
| 1975— | 11,036 |
| 1976— | 7,827 |
| 1977— | 2,525 (sehingga bulan Mei) |

- (b) Jumlah permohonan yang telah dikeluarkan Sijil Kewarganegaraan dalam tempoh tersebut adalah seperti berikut:—

| | |
|-------|----------------------------|
| 1970— | 51,551 |
| 1971— | 81,311 |
| 1972— | 64,085 |
| 1973— | 28,280 |
| 1974— | 10,043 |
| 1975— | 6,714 |
| 1976— | 6,780 |
| 1977— | 1,031 (sehingga bulan Mei) |

Saya tidak dapat memberikan angka pecahan mengikut kaum oleh kerana bukanlah menjadi dasar Kementerian ini untuk menyimpan angka-angka itu mengikut pecahan kaum.

HOSPITAL BESAR IPOH

30. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar akan kejadian yang berlaku baru-baru ini di Hospital Besar, Ipoh di mana:

- (a) nasi mentah selalu dihidangkan kepada pesakit-pesakit di wad Kelas 3;
- (b) seorang bernama Anthony Fernandez berjaya menyamar sebagai seorang doktor dan melapurkan diri untuk bertugas selama 4 hari dalam bulan Mei, 1977 sebelum ianya ditangkap dan dia telah memeriksa ke atas pesakit-pesakit wanita hamil di tempat sulit;
- (c) seorang pesakit perempuan bernama Puan Victor telah menerima rawatan khas kerana luka di dadanya akibat tikaman seorang yang tidak dikenali dan kejadian ini diulangi oleh orang

yang sama pada bulan Mei, 1977; dan jika sedar, apakah tindakan yang akan diambil oleh Menteri itu bagi memperbaiki pentadbiran hospital tersebut.

Tan Sri Lee Siok Yew:

- (a) Saya sedar bahawa pesakit-pesakit dalam wad-wad di Hospital Besar, Ipoh telah dua kali dihidangkan dengan nasi mentah. Ini adalah disebabkan tukang masak — tukang masak di hospital itu tidak faham dengan dapur-dapur baru yang baru sahaja dipasang oleh Kementerian saya.
- (b) Memang benar bahawa seorang lelaki bernama Anthony Fernandez telah menyamar diri sebagai seorang doktor di Hospital Besar Ipoh. Tidaklah benar bahawa ia telah melapurkan diri untuk bertugas kepada Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan ataupun Penguasa Perubatan. Sepanjang mana yang saya tahu, ia tidak memeriksa pesakit-pesakit perempuan yang sedang hamil di tempat-tempat sulit. Kes ini telah dilapurkan kepada pihak polis dan Encik Fernandez telah dihukum penjara selama 7 bulan oleh mahkamah mejistret baru-baru ini.
- (c) Adalah benar bahawa Puan Victor telah ditikam oleh seorang yang tidak dikenali. Akan tetapi, pada pendapat pihak berkuasa hospital, orang ini tentulah dikenali oleh Puan Victor. Setelah ia memperkenalkan dirinya sebagai ipar kepada Puan Victor, atas sebab-sebab belas kasihan, jururawat terlatih yang sedang bertugas ketika itu telah membenarkannya masuk bercakap dengan Puan Victor untuk beberapa minit sungguhpun bukan waktu melawat oleh kerana ia menyatakan bahawa ia datang dari luar negeri. Ia diperhatikan telah bercakap selama sekurang-kurangnya 5 minit sebelum ia menikamnya. Pihak pentadbiran hospital tidak seharusnya disalahkan

kerana nampaknya orang yang menikam itu adalah dikenali oleh Puan Victor dan sebagaimana yang dikatakan tadi, kakitangan-kakitangan wad telah bertindak secara ikhlas apabila mereka membenarkannya masuk untuk berjumpa dengan iparnya itu. Kes ini telah juga dilapurkan kepada pihak polis.

KES RAYUAN JENAYAH

31. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Undang-undang menyatakan mengapa dalam Kes Teh Cheng Poh @ Char Meh melawan Pendakwa Raya (Rayuan Jenayah Mahkamah Persekutuan No. 46 tahun 1976) dimana hukuman mati yang dijatuhkan ke atas perayu di bawah Peraturan-peraturan (Kes-kes Keselamatan (Pindaan) Dharurat 1975 telah disahkan oleh Mahkamah Persekutuan, Ketua Pendaftar Mahkamah tidak mahu memberi peguam-peguam siperayu iaitu, Tetuan Karpal Singh and Co, nota-nota bukti dan perjalanan pembicaraan tersebut bagi tujuan merayu ke pihak Privy Council yang peraturan-peraturan tersebut adalah tidak sah dan nyatakan apa tindakan beliau akan mengambil dalam kes ini untuk memastikan Teh Cheng Poh mempunyai hak untuk merayu kepada Privy Council kerana Seksyen 13 Akta Mahkamah Keadilan (Pindaan) 1976 masih belum lagi dikuatkuasakan; dan juga nyatakan samada beliau sedar sungguhpun peraturan 26(2) Peraturan-peraturan (Kes-kes Keselamatan) (Pindaan) Dharurat 1975 tidak membenarkan rayuan-rayuan kepada Privy Council di dalam kes-kes di mana seseorang didapati salah di bawah Peraturan-peraturan tersebut, Parlimen belum lagi membenarkan penggubalan mana-mana satu Peraturan dimana pengesahan dan "invalidity" tidak boleh dicabar sehingga peringkat Privy Council.

Tuan Rais Yatim: Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan ada menerima permohonan untuk Nota-nota bukti dan Perjalanan pembicaraan dalam Kes Rayuan Jenayah Bilangan 46 tahun 1976 daripada Tetuan

Karpal Singh & Co., peguambela pihak merayu, bagi tujuan untuk merayu kepada pihak Privy Council.

Keenganan Ketua Pendaftar membekalkan Nota-nota bukti Perjalanan percabaran bagaimana yang dipohonkan itu adalah menurut peraturan di bawah Peraturan 26(2) Peraturan-peraturan (Kes-kes Keselamatan) (Pindaan) Dharurat 1975 dalam mana jelas diterangkan yang Si dituduh atau Pendakwa Raya tidak mempunyai apa-apa hak merayu kepada Yang di Pertuan Agong mengenai sesuatu kes Keselamatan. Namun begitu Pihak Tetuan Karpal Singh masih boleh mendapatkan nota-nota Hakim dalam percabaran tersebut dengan cara berhubung terus dengan Setiausaha-setiausaha Hakim-hakim yang berkenaan.

Soalan samada Peraturan-peraturan tersebut berkuatkuasa mengatasi peruntukan Seksyen 13 Akta Mahkamah Keadilan atau tidak adalah suatu perkara yang sewajarnya diputuskan oleh Mahkamah.

PELABUR-PELABUR ASING

32. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan setakat ini, sejauh manakah Kementerian beliau telah dapat melaksanakan dasar-dasar pelabur kita dengan menegaskan bahawa pelabur-pelabur asing menggunakan kemudahan-kemudahan tempatan seperti perkhidmatan peguam, akauntan dan syarikat insuran tempatan.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Kemajuan yang memuaskan telah dicapai oleh Kementerian ini didalam melaksanakan dasar Kerajaan untuk menggesa syarikat-syarikat swasta menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan profesional tempatan di dalam syarikat-syarikat mereka. Polisi ini bukan sahaja dikenakan di atas syarikat-syarikat milik asing tetapi adalah juga dikenakan ke atas ke semua syarikat-syarikat perindustrian di negara ini

yang mana mereka telah dikenakan syarat untuk menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan firma-firma profesional tempatan untuk memenuhi keperluan pentadbiran mereka. Hampir ke semua syarikat-syarikat perindustrian yang diluluskan oleh Kementerian saya adalah menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan profesional dari kalangan firma-firma tempatan dengan sedikit pengecualian di mana setengah-setengah syarikat masih lagi menggunakan firma-firma insuran dan perkhidmatan bank asing.

SYARIKAT MULTI-PURPOSE HOLDINGS BHD.

33. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau sedar Syarikat Multi-Purpose Holdings Bhd. telah mengiklankan di surat-surat khabar dan menyeru orang ramai membelikan saham-sahamnya dan juga pengarah-pengarahnya menjelajah ke seluruh negara dan mempelawa orang ramai membeli saham-saham syarikat tersebut dengan membuat seratus satu janji supaya orang ramai akan menjadi pemegang saham syarikat tersebut. Samada Jabatan Peguam Negara telah menyasiat pelanggaran Akta Syarikat dan Peraturan Pasaran Saham oleh syarikat tersebut.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Syarikat Multi-Purpose Holdings Bhd. telah diperbadankan sebagai sebuah syarikat awam pada 18.8.1975 bertujuan, antara lain, untuk melabur di dalam projek perumahan, pertanian dan pelbagai perniagaan. Untuk menambahkan modalnya maka syarikat ini telah mendaftar satu prospektus pada 20.5.1977 di Pejabat Pendaftar Syarikat untuk pengeluaran saham sebanyak 29,778,000 bernilai \$1/— tiap-tiap satu saham. Prospektus ini sah untuk tempoh masa 6 bulan dan telah diiklankan di dalam akhbar-akhbar menjemput orang ramai membeli saham.

Kemudian beberapa akhbar tempatan telah menyiar berbagai artikel dan lapuran ber-

kenaan dengan prospektus ini dan untuk menyebarkan publisiti yang luas dan mendapatkan lebih ramai lagi pembeli-pembeli saham maka pengarah-pengarah syarikat itu telah pergi ke seluruh negara untuk berjumpa dengan orang ramai. Lapuran dan artikel yang disiarkan di dalam akhbar-akhbar dan aktiviti-aktiviti pengarah-pengarah yang telah pergi ke seluruh negara berkaitan dengan prospektus tersebut tidak melanggar peruntukan Akta Syarikat, 1965. Peruntukan mengenai menjaja saham-saham tidak bertujuan untuk menyekat firma-firma yang terkenal menggunakan cara-cara yang bona fide untuk menjual saham-saham, tetapi bertujuan untuk menahan penjaja-penjaja yang tidak bertanggungjawab daripada menjual saham-saham yang tidak berharga dari rumah ke rumah.

PELAJAR-PELAJAR DI UNIVERSITI

34. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) jumlah pelajar-pelajar yang telah memohon untuk memasuki di lima buah Universiti di Malaysia; dan
- (b) jumlah pelajar-pelajar yang telah diambil belajar di lima buah Universiti itu dan jumlah:
 - (i) Melayu; dan
 - (ii) Bukan Melayu.

Tuan Chan Siang Sun: Saya telahpun menjawab soalan yang sama pada 11.7.1977 semasa menjawab pertanyaan Y.B. dari Seremban di Dewan ini.

SUKATAN PELAJARAN

35. Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim minta Menteri Pelajaran menyatakan bagi menjamin jenerasi akan datang benar-benar berdisiplin, berakhlak baik, adakah Kerajaan bercadang akan mengkaji semula sukatan pelajaran yang ada sekarang dan mengubah nama Ke-

menterian Pelajaran kepada “Kementerian Pendidikan dan Pelajaran”; jika ya, bila dan jika tidak mengapa.

Tuan Chan Siang Sun: Bagi menjamin jenerasi akan datang benar-benar berdisiplin, berakhlak baik, Kerajaan sudah pun mengkaji semula dan mengubah sukatan pelajaran Sivik Sekolah Rendah dan Menengah yang baru. Kandungan sukatan pelajaran Sivik yang baru mengandungi, antara lain, unsur-unsur disiplin dan akhlak. Selain daripada itu, satu Jawatankuasa Khas bernama Jawatankuasa Pendidik Akhlak telah ditubuhkan untuk mengkaji kemungkinan menggubalkan sukatan pelajaran Pendidikan Akhlak bagi sekolah-sekolah. Perlu ditegaskan bahawa pengajaran disiplin dan akhlak memang sentiasa disisipkan secara tidak formal di dalam dan di luar bilik darjah.

Kementerian saya tidak bercadang untuk menukarkan namanya pada masa ini.

SURUHANJAYA GAJI KABINET — TUNGGAKAN GAJI

36. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar sebilangan besar pekerja-pekerja dan kakitangan-kakitangan yang berkhidmat dengan Separuh Kerajaan dan di Syarikat-syarikat Swasta tidak menerima layanan tunggakan gaji seperti yang terdapat dalam Kategori Suruhanjaya Gaji Kabinet, jika sedar apakah langkah yang boleh diambil bagi mengatasi masalah ini.

Perdana Menteri: Pekerja-pekerja dan kakitangan-kakitangan yang berkhidmat dengan Kerajaan atau Separuh Kerajaan yang menerima atau memilih perubahan gaji baru Jawatankuasa Kabinet yang berkuatkuasa mulai 1.1.1976 adalah layak mendapat tunggakan gaji mulai daripada 1.1.1976 atau pada tarikh lantikan jika tarikh itu terkemudian daripada 1.1.1976. Di samping itu pekerja-pekerja sementara yang memiliki ke-

lulusan yang disyaratkan oleh Sekim Perkhidmatan yang mengisi jawatan tetap adalah layak mendapat tunggakan gaji sama seperti pegawai tetap.

Walau bagaimanapun, pekerja-pekerja dan kakitangan sementara yang tidak mempunyai kelulusan yang diisyaratkan dalam Sekim Perkhidmatan yang mengisi jawatan sementara adalah tidak layak diberi tunggakan gaji. Tetapi, bagi pekerja-pekerja sementara itu gaji mereka adalah diubahsuai mulai 1hb. Julai, 1977 kepada tanggagaji bersih baru seperti yang telah ditawarkan kepada pegawai-pegawai tetap yang sejawatan dengannya.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG BIL PERBENDAHARAAN (TEMPATAN) (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Atka bagi meminda Ordinan Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 dan bagi perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

PERTELINGKAHAN PERUMAHAN

3.35 *ptg.*

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, satu daripada

masaalah utama yang dihadapi oleh pembeli-pembeli rumah ialah pelanggaran kehendak-kehendak kontrak (contractual obligation) kerap kali oleh pemaju-pemaju perumahan selepas Perjanjian Pembelian Rumah ditandatangani.

Tuan Yang di-Pertua, meskipun terdapat pemaju-pemaju perumahan yang jujur tetapi terdapat juga pemaju-pemaju perumahan yang tidak jujur dan tidak bertanggungjawab. Golongan pemaju-pemaju perumahan inilah yang memberikan pembeli-pembeli rumah layanan yang tidak adil serta juga melanggar segala peruntukan yang terkandung dalam Kontrak Perjanjian rumah-rumah.

Akhbar-akhbar sering kali menyiarkan surat-surat aduan dari pembeli-pembeli rumah yang menceritakan bagaimana mereka diberi layanan yang tidak adil oleh pemaju-pemaju perumahan dan mereka meminta Yang Berhormat Menteri atau Kementerian berkenaan menyelesaikan masaalah yang dihadapi oleh mereka.

Pembeli-pembeli rumah ini setiap kali diminta berhubung dengan peguam-peguam mereka untuk membangkitkan kes mereka di mahkamah biasa. Pada masa sekarang, Kementerian Perumahan dan Perkampungan hanya mendakwa pemaju-pemaju perumahan di mahkamah biasa jika didapati pemaju-pemaju perumahan itu telah melanggar Akta Perumahan (Perlesenan dan Kawalan) dan peruntukan-peruntutannya.

Hendaklah dinyatakan di sini Tuan Yang di-Pertua, bahawa jika pembeli-pembeli rumah dikehendaki mendapatkan keadilan mahkamah biasa, ini hanya akan merupakan satu proses yang panjang dan sukar. Adalah diketahui umum pertelingkahan-pertelingkahan perumahan akan mengambil masa yang amat panjang sebelum ianya dihakamkan di dalam sebuah mahkamah biasa dan akibat itu pembeli-pembeli rumah akan mengalami banyak kerugian.

Memandangkan kepada ini, saya rasa sudahlah sampai masanya untuk ditubuhkan sebuah Mahkamah Khas di Kementerian Perumahan dan Perkampungan khas untuk tujuan mendengar dan menghakimkan pertelingkahan-pertelingkahan perumahan di antara pemaju-pemaju perumahan dan pembeli-pembeli rumah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan membuat demikian, saya rasa yakin pertelingkahan-pertelingkahan perumahan dapat diselesaikan dengan seawal-awalnya dan keadilan dapat dinikmati oleh orang-orang yang menjadi mangsa pemaju-pemaju perumahan yang tidak bertanggungjawab dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, kita hendaklah sentiasa ingat keadilan yang dilambatkan ialah keadilan yang dinafikan.

3.40 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, ucapan Yang Berhormat itu menyentuh terutamanya mengenai pertelingkahan di antara pembeli-pembeli rumah dan pemaju perumahan, dan dengan pertelingkahan ini beliau telah menyarankan agar ditubuhkan satu mahkamah khas untuk mengatasinya.

Perkara pertelingkahan antara pembeli-pembeli rumah dan pemaju-pemaju perumahan, telah saya huraikan dengan panjang lebar di dalam jawapan mulut saya semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini pada 13.7.1977. Di dalam jawapan saya, saya telahpun menyatakan bahawa memandangkan jumlah besar yunit-yunit rumah yang terlibat (dalam Rancangan Malaysia Kedua sahaja pemaju-pemaju perumahan telah memajukan sebanyak lebihkurang 65,000 yunit) dan bagi tiap-tiap yunit ini kontrik penjualan perlu ditandatangani di antara pemaju-pemaju perumahan dan pembeli-pembeli rumah, maka pertelingkahan di kalangan kedua-dua

belah pihak yang terlibat itu sukar hendak dielakkan sama sekali.

Walaupun bagaimanapun, kes-kes pertelingkahan di antara pembeli-pembeli rumah dan pemaju-pemaju perumahan, yang disampaikan kepada Kementerian saya secara aduan terhadap pemaju-pemaju perumahan yang dikatakan telah gagal menunaikan obligasi-obligasi sesuatu kontrik, adalah tidak banyak bilangannya. Jika diterima, maka aduan-aduan itu dirujukkan terlebih dahulu kepada pemaju-pemaju perumahan yang berkenaan bagi tindakan mereka dan di mana perlu. Kaedah-kaedah yang berkaitan dengan aduan tersebut adalah ditegaskan. Kebanyakan daripada aduan-aduan ini dilayan atau diselesaikan oleh pemaju-pemaju perumahan. Dalam kes-kes di masa yang lepas ada sebilangan kecil pemaju-pemaju perumahan berlesen yang tidak menerima aduan itu sebagai tanggungjawab mereka ataupun mereka menyangkal aduan-aduan yang telah dibuat oleh pembeli-pembeli rumah. Sebaliknya pula, terdapat juga kes-kes di mana pembeli-pembeli rumah tidak bersetuju ke atas sebarang tawaran penyelesaian oleh pemaju perumahan. Di dalam kes-kes semacam ini, di mana lain-lain jalan penyelesaian telah menghadapi jalan buntu, cara yang penghabisan sekali ialah bagi salah satu dari dua pihak itu membawa pihak yang lagi satu ke mahkamah untuk menyelesaikan pertelingkahan mereka. Sejauh yang diketahui oleh Kementerian saya, berbanding dengan jumlah besar transeksi yang terlibat, jumlah pertelingkahan yang berakhir sebagai kes mahkamah yang telah dibawa oleh pembeli-pembeli rumah (atau sebaliknya oleh pemaju-pemaju perumahan) adalah segelintir sahaja.

Sayugia diingatkan bahawa pertelingkahan mengenai perumahan di antara kedua belah pihak (pembeli dan pemaju perumahan) perlu diselesaikan terlebih dahulu oleh mereka sesama sendiri dengan perasaan saling menghormati kandungan atau obligasi kontrik mereka masing-masing ataupun, jika mereka menghadapi jalan buntu, maka langkah

penghabisan yang terbuka kepada mereka ialah melalui undang-undang di mahkamah. Pada amnya kebanyakan daripada mereka yang telah memetrikkan kontrek jual beli itu menyelesaikan pertelingkahan mereka, apabila berlaku, secara bertolak ansur. Keadaan seperti ini adalah amalan biasa dan menjadi ciri positif masyarakat Malaysia.

Dalam keadaan tertentu — dan ini bukanlah perkembangan yang lazim — aduan-aduan dibuat agar Kementerian saya menyelesaikan masaalah jalan buntu antara kedua-dua pihak yang terlibat. Kementerian saya ada memainkan peranan yang positif di dalam pertelingkahan tersebut, menyelidiki untuk memastikan samada pemaju-pemaju perumahan yang berkenaan menjalankan urusanniaga mereka dengan bertanggungjawab ataupun samada sebarang peruntukan dalam Akta/Kaedah (Mengawal & Melesen) Pemaju Perumahan telah dilanggar. Tindakan-tindakan secara pentadbiran yang diambil ke atas pemaju perumahan yang berkenaan tidak semestinya menjadi penyelesaian, oleh kerana tempat mendapatkan penyelesaian masaalah mengenai sesuatu kontrek jual-beli ialah di mahkamah. Tindakan pentadbiran itu adalah bertujuan untuk menyedarkan pemaju-pemaju perumahan berlesen tentang kepentingan-kepentingan mereka dalam jangka masa yang panjang selagi mereka berminat menjadi pelesen pemaju perumahan. Di mana yang perlu dari masa ke semasa pindaan adalah dibuat ke atas Akta/Kaedah-kaedah (seperti yang telah dilakukan baru-baru ini) bagi menutup sebarang kelemahan di dalamnya supaya kepentingan pembeli-pembeli dapat dikawal sepenuhnya.

Di atas saranan Ahli Yang Berhormat supaya satu mahkamah khas ditubuhkan bagi menyelesaikan pertelingkahan perumahan ini, perlu saya sebutkan iaitu perkara ini mesti dilihat dari sudut atau perspektif yang betul. Sepertimana yang telah saya nyatakan tadi, apa yang telah berlaku selama ini, kes-kes pertelingkahan sedemikian yang telah dirujuk kepada mahkamah undang-undang sebagai

tindakan sivil (Civil Suits) adalah kecil bilangannya dan tidak kerap berlaku. Mengikut peraturan sekarang, Civil Suits ini boleh diselesaikan oleh Mahkamah Tinggi, Mahkamah Session ataupun Mahkamah Majistret — perkara itu adalah bergantung ke atas berapa berat kesalahannya dan jumlah tuntutan yang terlibat. Memandangkan bahawa jumlah kes-kes yang berlaku adalah kecil maka mahkamah-mahkamah yang ada di seluruh negara ini adalah mampu untuk menyelesaikannya.

Sayugia dinyatakan juga bahawa perkara yang menjadi masaalah kini bukanlah bilangan mahkamah atau bidang kuasanya menyelesaikan kes-kes yang ujud. Masaalah yang kerap timbul ialah berkaitan dengan kekurangan pegawai yang mahir dan/atau soal-soal teknikal yang lazim dan mungkin dalam sistem dan amalan kehakiman. Menambahkan bilangan mahkamah bagi maksud sesuatu keadaan yang tidak menyeluruh bukanlah satu penyelesaian, malahan boleh menambahkan kerumitan kepada masaalah yang telah kita ketahui dan yang menghalang kelicinan perjalanan mahkamah-mahkamah yang ada sekarang. Adalah lebih munasabah, demi kelicinan yang dikehendaki itu, bagi kita menumpukan usaha ke atas masaalah pokok yang saya sebutkan tadi daripada menimbulkan satu keadaan yang tidak sehat.

Tuan Yang di-Pertua, sesuatu langkah untuk mengujudkan mahkamah khas untuk sesuatu bidang urusanniaga, namun penting bagaimana sekalipun, seperti ehwal jual-beli rumah, tidaklah wajar. Jika bidang urusanniaga itu begitu terpenting, tentu ada lain bidang urusanniaga yang dianggap penting juga. Yang bererti bahawa mahkamah-mahkamah khas yang lain perlu juga diujudkan untuk menyelesaikan pertelingkahan sivil di antara pembeli-pembeli dan penjual-penjual bagi kesemua barang-barang pengguna. Ini sudah tentunya akan membuatkan mahkamah undang-undang menjadi suatu perkara yang sungguh-sungguh rumit dan boleh menimbulkan salah anggapan terhadap pentadbiran undang-undang keseluruhannya.

Seperkara lagi yang perlu saya nyatakan ialah bahawa sesuatu sistem yang menduakan (duplicating) sistem yang telah ujud lama, seperti sistem kehakiman kita sekarang ini adalah sukar hendak dilaksanakan dengan efektifnya, terutama sekali dalam keadaan di mana Negara memerlukan resources atau punca hasilnya untuk rancangan-rancangan lain yang perlu diutamakan, dan lagi kerana terujudnya keadaan kekurangan pegawai-pegawai yang mahir untuk mengendalikan sistem itu. Jika sistem baru sebagai yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat itu dilaksanakan maka tak dapat tidak keutamaan-keutamaan kita dalam bidang pembangunan Negara akan terjejas. Tambahan lagi sistem itu tidak boleh dihadkan kepada Kementerian saya, atau dipersekitaran Kuala Lumpur sahaja; malahan perlu disebar ke kawasan-kawasan lain untuk memberi kesan,

demi keadilan serta faedah bagi rakyat semua. Ini, Tuan Yang di-Pertua, bererti bahawa perkara yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak praktikal sama sekali.

Memandangkan kepada penjelasan-penjelasan yang telah diberi adalah didapati tidak perlu bagi Kerajaan untuk menimbangkan saranan Ahli Yang Berhormat itu.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Tuan Yang di-Pertua: Majlis ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang hari Isnin, 18hb. Julai, 1977.

Dewan ditangguhkan pada pukul 3.50 petang.